



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENGERAKKAN OPERASI
KAWALAN KESELAMATAN OLEH SKIM RONDAAN SUKARELA DI KAWASAN-
KAWASAN BANJIR SELURUH MALAYSIA**

4 Januari 2021, PUTRAJAYA – Berikutan keadaan banjir yang semakin serius, Kementerian Perpaduan Negara telah menggerakkan semua jentera Skim Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan kejiran Rukun Tetangga khususnya di Negeri Johor, Pahang, Terengganu, Perak, Selangor dan Kelantan bagi membantu menjaga keselamatan harta benda yang ditinggalkan oleh mangsa-mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta memastikan tiada mangsa yang terkandas di kawasan banjir.

2. Rondaan oleh SRS ini dijalankan setiap hari melalui penggiliran tiga (3) syif dan melibatkan sekurang-kurangnya 5 orang peronda pada setiap syif. Jumlah SRS yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL	NEGERI	DAERAH	JUMLAH SRS DALAM DAERAH
1.	JOHOR	SEGAMAT	17
		BATU PAHAT	44
		KLUANG	55
		MERSING	58
		PONTIAN	29
		KULAI	54
		KOTA TINGGI	86
		JOHOR BHARU	130

2.	PAHANG	BENTONG	28
		TEMERLOH	40
		RAUB	25
		MARAN	47
		LIPIS	9
		JERANTUT	57
		ROMPIN	34
		PEKAN	43
		KUANTAN	185
3.	PERAK	HILIR PERAK	22
		KAMPAR	14
		MUALLIM	9
4.	TERENGGANU	KEMAMAN	53
		DUNGUN	116
5.	SELANGOR	HULU SELANGOR	55
6.	KELANTAN	GUA MUSANG	15
JUMLAH KESELURUHAN			1,187 SRS

** Sumber : Maklumat daerah yang terlibat banjir diperolehi dari Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

3. Menurut Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique operasi rondaan SRS ini mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beliau turut mengarahkan jentera SRS di seluruh negara untuk bersiap sedia menjalankan tugas-tugas kawalan keselamatan di kawasan-kawasan lain yang mungkin akan dilanda bencana banjir.

4. Selain itu, pasukan Skuad Uniti di semua daerah berkaitan turut diarahkan terlibat di dalam Operasi Bantu Mula Bencana Banjir yang dijalankan oleh agensi lain. Bantuan oleh Skuad Uniti ini melibatkan pemindahan mangsa ke PPS, menyelamatkan harta benda, penyampaian sumbangan barang keperluan dan pembersihan rumah mangsa.
5. Kementerian Perpaduan Negara ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa semasa operasi pemindahan mangsa banjir ini serta menjaga kebersihan bagi mengelakkan penularan COVID-19.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Januari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara
Tel +603 8091 8041
Fax +603 8888 8568 / 569
E-mail : pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (37)